

PENYERTAAN KE KONVENSYEN KUMPULAN MENINGKAT MUTUKERJA (KMK) SEKTOR AWAM PERINGKAT NEGERI SABAH KALI KE-15 PADA 29 – 30 JULAI 2009 DI AUDITORIUM KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SABAH

Dimaklumkan bahawa Konvensyen Kumpulan Meningkatkan MutuKerja (KMK) Sektor Awam Peringkat Negeri Sabah Kali Ke-15 akan dilangsungkan pada **29 - 30 Julai 2009** bertempat di Auditorium, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah. Objektif utama konvensyen ialah untuk mengiktiraf kumpulan yang berjaya menyelesaikan masalah (teknikal atau pengurusan) di tempat kerja masing-masing di samping menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif jabatan dan agensi sektor awam. Konvensyen ini juga sekaligus akan memilih wakil Negeri Sabah ke Konvensyen KMK Peringkat Kebangsaan yang dijadualkan untuk diadakan di Ipoh, Perak pada 10 - 11 Nov, 2009.

Jabatan atau agensi Negeri yang telah menubuhkan KMK atau berhasrat hendak menyertai konvensyen tersebut dikehendaki mengisikan Borang di Lampiran 1 dan mengemukakannya terus ke pejabat MAMPU Sabah **selewat-lewatnya 09hb Jun 2009**. Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan terus kepada pihak berkenaan di talian 088488212 U/p: Cik Fahrinee atau Zelina atau melalui emel alia@mampu.gov.my atau fahrinee@mampu.gov.my.

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti di Lampiran B.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KONVENSYEN KMK

1. Penyertaan dibuka kepada semua Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) daripada semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil.
2. Bilangan maksimum ahli bagi setiap KMK hendaklah tidak melebihi sebelas (11) orang (termasuk Fasilitator).
3. Hanya **projek KMK yang telah selesai dan dipersetujui oleh Pengurusan** agensi/jabatan boleh dipersembahkan dalam Konvensyen KMK ini.
4. Projek yang akan dipersembahkan hendaklah belum pernah dipersembahkan dalam mana-mana Konvensyen Peringkat Negeri/Kebangsaan (Sektor Awam).
5. Permohonan untuk menyertai konvensyen ini hendaklah dibuat dengan menggunakan “**Borang Permohonan Penyertaan Konvensyen**” seperti di **Lampiran 1**. Permohonan mesti disampaikan kepada MAMPU Cawangan Sabah samada melalui surat (pos), melalui fax di **088-488212** dan juga melalui emel alia@mampu.gov.my atau fahrinee@mampu.gov.my **sebelum atau selewat-lewatnya pada 9 Jun 2009 jam 4.30 petang**. Permohonan yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan diterima.
6. Setiap permohonan akan ditapis dan KMK yang dipilih untuk menyertai konvensyen ini dikehendaki menyediakan **empat (4) salinan teks Laporan Projek KMK berserta softcopy laporan** dan mengemukakan kepada MAMPU Cawangan Sabah atau emelkan *softcopy* anda kepada fahrinee@mampu.gov.my **sebelum atau selewat-lewatnya pada 14 Julai 2009 jam 4.30 petang**. Agensi/jabatan yang menghantar laporan lewat dari tarikh yang dinyatakan hendaklah menghantarnya sendiri kepada Panel Penilai yang telah dilantik.
7. *Softcopy* Nota Persembahan Projek KMK (*Slide Presentation Microsoft PowerPoint*) yang akan dipersembahkan semasa konvensyen hendaklah dihantar kepada MAMPU Cawangan Sabah melalui emel fahrinee@mampu.gov.my **seminggu sebelum tarikh konvensyen** diadakan.
8. KMK yang diterima untuk menyertai konvensyen ini hendaklah menanggung semua perbelanjaan bagi menghadiri konvensyen. Setiap KMK juga dikehendaki menyediakan keperluan peralatan persembahan masing-masing.
9. Masa persembahan KMK adalah **20 minit sahaja**. (Walau bagaimanapun, masa ini tidak meliputi masa untuk memasang peralatan yang digunakan dalam persembahan.)
10. Penganjur berhak menolak mana-mana permohonan yang gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan atau sebab-sebab tertentu. **KEPUTUSAN PENGANJUR ADALAH MUKTAMAD** dan sebarang rayuan tidak akan diterima.

BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN KONVENSYEN KMK

A. PROFAIL KUMPULAN

1. Nama Jabatan dan Alamat :
2. No. Telefon/Faks Jabatan :
3. Nama Kumpulan :
4. Nama Fasilitator :
5. E-mail Fasilitator :
6. Nama Ketua Kumpulan :
7. Nama Ahli-ahli KMK :
(tidak melebihi 10 orang)

B. KETERANGAN PROJEK

1. Tajuk Projek :
2. Kategori Projek :
3. Tarikh Projek Dimulakan :
4. Tarikh Projek Dipersembahkan :
Kepada Pengurusan
5. Ringkasan Masalah/Projek :
6. Punca-punca Utama Masalah :
7. Cadangan Penyelesaian :
8. Faedah Projek :
 - a) Pengurusan kos operasi
 - b) Penjimatan masa
 - c) Peningkatan hasil
 - d) Peningkatan tahap
 - e) Kepuasan hati pelanggan
 - f) Lain-lain faedah
9. Sumbangan Projek Kepada :
Objektif Organisasi
10. Tempoh Pelaksanaan :

(Sila gunakan kertas berasingan jika perlu)